

Bahagian2 UMNO diarah hantar nama calon utk p-roya kecil Sri Gading

JOHOR BAHRU, Selasa — Perhubungan UMNO Johor mengarahkan 16 Bahagian UMNO negeri ini menghantar nama-nama calon difikirkan layak merebut kerusi Parlimen Kawasan Sri Gading yang akan diadakan pada 26 September depan.

Menurut seorang Ahli Jawatankuasa Perhubungan UMNO Johor hari ini, arahan itu dikeluarkan minggu lalu dan ini adalah satu peraturan biasa dilakukan oleh Perhubungan UMNO Negeri berikutan kekosongan kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Menurut sumber itu, tidak semua Bahagian UMNO Johor akan menghantar nama-nama calon kecuali Bahagian Sri Gading, akan menyerahkan pemilihan calon kepada pucuk pimpinan UMNO Johor.

Ini kerana selalunya, calon yang dipilih berasal dari kawasan pilihanraya.

Calon yang dipilih mesti dipersetujui oleh tiga peringkat, Bahagian, UMNO Negeri dan UMNO Pusat.

Persetujuan

Dalam soal ini, beliau tidak menyangkal kemungkinan bekas Setiausaha Politik, Tun Hussein Onn. Encik Mustaffa Mohamed, nama yang selama ini disebut-sebut sebagai calon kawasan itu.

Ini berdasarkan beliau anak tempatan, Ketua UMNO Bahagian Sri Gading dan bekas Setiausaha Politik Tun Hussein Onn.

Difahamkan, Presiden UMNO Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membayangkan persetujuan, Encik Mustaffa Mohamed dicalonkan.

Ketua Perhubungan

UMNO Johor, Tan Sri Haji Othman Saat, masih lagi 'menutup mulut' mengenai perkara ini.

Beliau enggan mengulas calon pilihanraya kawasan itu dan berkata, "Tunggulah di hari penamaan calon 10 September."

Tan Sri Haji Othman Saat yang juga Menteri Besar Johor berkata: "Calon yang akan dikemuka bertanding di kawasan Sri Gading mestilah mendapat persetujuan parti-parti komponen Barisan Nasional."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia